

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

1103/1 (PP)

Bahasa Melayu

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2018
BAHASA MELAYU KERTAS 1
GARIS PANDUAN PEMERIKSA

A. CARA PEMERIKSAAN

BAHAGIAN A

- Pemeriksaan secara holistik berpandukan kriteria penskoran yang ditetapkan.
- Isi/idea – 3 isi/ idea penting (tidak termasuk pendahuluan dan penutup) dan mesti berdasarkan tugas yang diberikan.
- Karangan mesti ditulis dalam jumlah kata yang ditetapkan (antara 200-250pp)
- Karangan yang tidak memenuhi kepanjangan yang ditetapkan tidak boleh dimasukkan dalam tahap cemerlang.
- Kesalahan ejaan **tidak** dipotong markah.
- Karangan yang **tiada kata-kata puitis** seperti peribahasa, kata-kata hikmat, cogan kata dan lain-lain - markah maksimum **25 sahaja**.

BAHAGIAN B:

- Isi** – bergantung kepada bilangan perkataan dan markah yang ditetapkan. (Minimum 3 isi / idea penting)
- Pemeriksaan secara **impression** berpandukan kriteria yang ditetapkan.
- Kesalahan ejaan **tidak** dipotong markah.
- Jika karangan:
 - a. Kurang 350 patah kata, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa sehingga ke akhir karangan.
- Markah bersih / muktamad hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan halaman pertama karangan.

Contoh : Bahagian A : 25 markah
 : Bahagian B : 65 markah
 Jumlah : 88 markah

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- () = Kesalahan isi
- _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan berulang
- = Kesalahan tanda baca

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1
Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan). • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurangmemuaskan	10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.
Pencapaian minimum	01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1
Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 - 100	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai kata majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
(Atas)	(90 - 100)	
(Bawah)	(80 - 89)	
KEPUJIAN	66 – 79	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan \ sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik(peribahasa, pantun, cogan kata)
(Atas)	(73 – 79)	
(Bawah)	(66 – 72)	
BAIK	51 – 65	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan kosa kata umum. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. Wacana masih lengkap. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
(Atas)	(58 – 65)	
(Bawah)	(51 -57)	

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1
Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
MEMUASKAN	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhadap. • Ayat kurang gramatis.
(Atas)	(43 – 50)	<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.
(Bawah)	(36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhadap. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang bervariasi. Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
KURANG MEMUASKAN	21 – 35	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.
(Atas)	(28 – 35)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.
(Bawah)	(21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.
(Atas)	(11 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.
(Bawah)	(01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami.

**CADANGAN JAWAPAN PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
BAHASA MELAYU 1 2018**

BAHAGIAN A

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang adab murid kepada guru. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Tugasan : Adab murid kepada guru

Idea :

- member ucap selamat
- mematuhi arahan
- memberikan tumpuan ketika belajar

BAHAGIAN B

1. Pelibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dapat mengisi masa lapang, meningkatkan disiplin diri dan membentuk daya kepimpinan.

Ulaskan.

Tugasan : Kebaikan murid melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum

Cadangan Idea :

- murid dapat mengisi masa lapang
- murid dapat meningkatkan disiplin diri
- murid dapat membentuk daya kepimpinan
- murid dapat memupuk perpaduan
- murid dapat menonjolkan bakat/kebolehan

Perhatian :

- a) Calon menyentuh sekurang-kurangnya satu idea daripada yang dinyatakan, terima.
- b) Calon memberikan idea lain dan tiada langsung idea yang dinyatakan, maksimum peringkat Keujian Bawah.

2. Setiap ibu bapa mengimpikan anak-anak melanjutkan pelajaran selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini demi menjamin masa depan.

Huraikan usaha ibu bapa dalam pemupukan minat anak-anak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Tugasan : Usaha ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi

Cadangan Idea :

- Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
- Ibu bapa menanam minat / motivasi tentang jurusan yang dipilih/ diminati sejak kecil
- Ibu bapa memberikan kebebasan kepada anak dalam pemilihan jurusan
- Ibu bapa membawa anak melawat institusi pengajian tinggi
- Ibu bapa memberikan / menawarkan insentif / hadiah / ganjaran kepada anak yang melanjutkan pelajaran

3.

Gelanggang

Inigelanggangkita
yangdiwariskanolehpendekar-pendekardatukmoyanglebih
limadekad yang lalu
satupersepakatankaumuntukditurunkankepadaanakcucu
dikemudianhari

Berdasarkan rangkap sajak di atas, perjuangan nenek moyang sejak dahulu untuk mempertahankan negara dibina hasil perpaduan kaum. Sehubungan dengan itu, perpaduan hendaklah dikekalkan demi kepentingan generasi akan datang. Jelaskan peranan masyarakat untuk mencapai hasrat tersebut.

Tugasan : Peranan masyarakat untuk mengekalkan perpaduan

- Cadangan Idea :
- masyarakat menghormati kepercayaan, adat resam dan budaya pelbagai kaum
 - masyarakat bertolak ansur / mengelakkan perselisihan kaum
 - masyarakat menyertai aktiviti gotong-royong
 - masyarakat menganjurkan / menghadiri rumah terbuka
 - masyarakat mengadakan aktiviti hari keluarga

4. Kerjasama antara negara di dunia menjalinkan hubungan diplomatik, mengukuhkan ekonomi dan meluaskan jaringan pendidikan.

Bincangkan.

Tugasan : Kerjasama antara negara di dunia dalam menjalinkan hubungan diplomatik, mengukuhkan ekonomi dan meluaskan jaringan pendidikan.

Cadangan Idea :

Hubungan diplomatik

- kerjasama dari segi keselamatan / mengelakkan ancaman
- kerjasama dari segi kestabilan politik

Mengukuhkan ekonomi

- kerjasama dari segi perdagangan / pelaburan
- kerjasama dari segi pelancongan

Meluaskan jaringan pendidikan

- pertukaran pelajar dan khidmat professional tenaga pengajar
- pemindahan ilmu / kepelbagaian teknologi
- perjanjian persefahaman antara pusat pengajian tinggi

Perhatian :

a) Calon menyentuh sekurang-kurangnya satu idea daripada yang dinyatakan, terima.

b) Calon memberikan idea lain dan tiada langsung idea yang dinyatakan, maksimum peringkat Kepujian Bawah.

5. Anda ingin menulis sebuah cerita yang bertemakan ‘Malaysia Boleh’ untuk dimuatkan dalam majalah sekolah.

Tulis cerita tersebut selengkapnya.

Tugasan : Cerita bertemakan ‘Malaysia Boleh’

Cadangan Idea :
- cabaran / halangan
- usaha / kegigihan yang ditunjukkan
- kejayaan yang diperoleh membuktikan ‘Malaysia Boleh’

Panduan :

- a) Cerita mengandungi pengenalan, perkembangan dan pengakhiran
- b) Calon bebas memberikan contoh individu / kumpulan dalam penceritaan
- c) Calon bebas menentukan bidang yang diceburi oleh individu / kumpulan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT